

05 JUL 1996

Uruguay-kerjasama

URUGUAY HARAP KERJASAMA LEBIH ERAT DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Presiden Uruguay, Dr Julio Maria Sanguinetti yakin hubungan perdagangan dan ekonomi antara Uruguay dan Malaysia akan lebih melonjak pada masa akan datang.

Beliau berkata prospek ke arah itu adalah besar dengan adanya komitmen Malaysia untuk memperluaskan hubungan dengan negara-negara Amerika Latin.

"Hubungan kita bergerak ke depankita masih di permulaan bagi lebih banyak perjanjian dan hubungan pada masa depan," katanya pada satu sidang berita di Carcosa Seri Negara di sini.

Beliau yang tiba di sini pada hari Selasa akan berlepas pulang esok. Dr Sanguinetti adalah Presiden Uruguay yang pertama melawat Malaysia sejak hubungan diplomatik diwujudkan pada 1984.

Beliau berkata sedang Malaysia menjadi pintu masuk bagi barangan Uruguay ke Asean, negaranya pula menjadi pintu masuk barangan Malaysia ke pasaran negara-negara Mercosur. Perdagangan Malaysia dengan negara-negara Amerika Selatan berkembang 300 peratus sejak 1991.

Beliau gembira kerana ahli perniagaan Uruguay yang menyertai rombongan beliau telah mengadakan hubungan dengan rakan mereka dari Malaysia, bagi kemungkinan mengadakan usaha sama.

Duta Malaysia ke Uruguay, Datuk Marzuki Mohammad Noor berkata hubungan dua hala akan bertambah erat berikutan lawatan balas Dr Sanguinetti terhadap lawatan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Montevideo tahun lepas.

"Ia telah membuka ruang bagi usahawan dan pengeksport Malaysia menerokai pasaran baru," katanya kepada Bernama.

Meskipun tiada penerbangan terus antara Kuala Lumpur dan Montevideo, Penerbangan Malaysia mengadakan perkhidmatan dua kali seminggu ke Buenos Aires, ini negara Argentina.

"Ia hanya 25 minit penerbangan dari Buenos Aires ke Montevideo," kata Marzuki yang berpejabat di Argentina. -- BERNAMA

AZZ OBA